



KOMPILASI ARTIKEL

Linguistik  
Bahasa dan  
Budaya  
*Sarawak*

EDITOR

MARY FATIMAH SUBET

KOMPILASI ARTIKEL

Linguistik  
Bahasa dan  
Budaya  
*Sarawak*

KOMPILASI ARTIKEL

Linguistik  
Bahasa dan  
Budaya  
*Sarawak*

EDITOR

MARY FATIMAH SUBET

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

# KANDUNGAN

Prakata	xi
Penghargaan	xiii
1 Penguasaan Fonologi Kanak-Kanak dalam Dialek Melayu Sarawak <i>Mary Fatimah Subet, Salbia Haji Hassan</i>	1
2 Morfologi: Analisis Produktiviti Imbuhan Awalan dalam Dialek Melayu Sarawak <i>Salbia Haji Hassan</i>	13
3 Analisis Pragmatik Pantun Bidayuh: Mengesan Penyesuaian Nilai dan Cara <i>Mary Fatimah Subet</i>	25
4 Kata Ganda Semu dalam Dialek Melayu Sarawak(DMS) <i>Salbia Haji Hassan</i>	41
5 Manifestasi Kata Sifat dalam Dialek Melayu Sarawak (DMS) <i>Wan Robiah Hj. Meor Osman, Rosnah Mustafa</i>	55
6 Istilah Melayu Lama dalam Pertuturan Harian Melayu Sarawak <i>Monaliza Sarbini-Zin, Haikal Hammaad Zin</i>	67
7 Manifestasi Masa dalam Dialek Melayu Sarawak <i>Wan Robiah Hj. Meor Osman, Rosnah Mustafa</i>	83
8 Kelangsungan dan Vitaliti (Daya Bahasa) Bahasa dalam kalangan Kaum Kejaman di Sarawak <i>Amee Joan</i>	99

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Proses Penyingkatan Perkataan ke Ekasuku	5
Jadual 1.2	Pemotongan dan Penyingkatan Rangkap Konsonan	6
Jadual 1.3	Suku Kata Kanonik	7
Jadual 1.4	Geluncuran Likuida	7
Jadual 1.5	Asimilasi	8
Jadual 1.6	50 Ujaran (data utama)	8
Jadual 1.7	Min Panjang Ujaran (MLU)	10
Jadual 6.1	Definisi Istilah Melayu Lama	69
Jadual 6.2	Perbandingan kiraan frekuensi antara informan dari Sarawak dan negeri-negeri lain di Malaysia yang mengetahui dan tidak mengetahui makna istilah –istilah Melayu lama.	76
Jadual 6.3	Istilah-istilah Melayu lama yang diketahui maknanya mengikut urutan menurun antara informan–informan DMS dan negeri-negeri lain di Malaysia.	77
Jadual 6.4	Istilah-istilah Melayu lama yang diguna pakai dalam pertuturan harian informan DMS berbanding informan negeri-negeri lain di Malaysia, mengikut urutan menurun.	78
Jadual 6.5	Perbandingan antara penutur DMS dengan bukan penutur DMS yang mengenali istilah sebagai bahasa lama/klasik atau tidak; dan mereka yang langsung tidak berpengetahuan tentang istilah-istilah ini.	80
Jadual 7.1	Kitaran Hari	86
Jadual 7.2	Kitaran Minggu	89
Jadual 7.3	Urutan Kitaran Waktu (Minggu) Dialek Melayu Sarawak & Dialek Kedah	90
Jadual 7.4	Kitaran Bulan/Tahun	91
Jadual 7.5	Tempoh/masa	92

# PRAKATA

Buku ini memuatkan 12 artikel daripada pensyarah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam tiga bidang kajian, iaitu linguistik, bahasa dan budaya. Artikel-artikel berkenaan menggunakan data daripada masyarakat Melayu, Iban, Bidayuh dan Kejaman.

Rata-rata fokus artikel ialah hasil perbincangan terhadap analisis data yang dikutip daripada masyarakat berkenaan. Buku ini secara tidak langsung memberi gambaran perihal latar belakang masyarakat Melayu dan peribumi lain di Sarawak. Maklumat yang dikemukakan dalam buku ini sangat bermanfaat kepada pembaca untuk mengetahui perihal penduduk negeri Sarawak.

Bab 1 merupakan analisis tentang pemerolehan fonologi kanak-kanak. Bab ini mengupas perihal pemerolehan fonologi kanak-kanak yang telah dibekalkan dengan kebolehan menggunakan bahasa sejak lahir. Bab 2 pula membicarakan aspek morfologi dalam dialek Melayu Sarawak (DMS). Tumpuan bab ini ialah produktiviti imbuhan awalan yang digunakan dalam DMS.

Pantun atau *patun* dalam bahasa Bidayuh mengandungi rahsia kebahasaan. Bab 3 meninjau tentang kewujudan implikatur dalam pantun untuk mencari makna yang tersirat.

Bab 4 pula ialah artikel tentang proses penggandaan semu dalam DMS dengan membincangkannya berdasarkan empat kelas kata utama, iaitu kelas kata kerja (KK), kelas kata nama (KN), kelas kata sifat/adjektif (KS) dan kata adverba/keterangan (Kk).

Tutur kata dan perlakuan sosial masyarakat Melayu Sarawak memancarkan kesantunan dan ketinggian akal budi. Bab 5 buku ini memanfaatkan data deskripsi tentang kata sifat mereka yang mencerminkan adat dan budayanya yang unik dan tersendiri.

## PENGHARGAAN

Para penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak UNIMAS khususnya UNIMAS Publisher kerana kesudian menerbitkan kumpulan artikel ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan khas kepada pihak Yayasan Sarawak atas sumbangan dana untuk menjalankan penyelidikan dan penghasilan buku ini. Kerjasama dan sokongan daripada pihak Yayasan Sarawak meningkatkan motivasi dalam kalangan penulis untuk membukukan hasil kajian ilmiah mereka.

Penghargaan terima kasih juga ditujukan khas kepada para informan yang sangat baik hati dan telah bekerjasama memberikan maklumat sehingga dapat dijadikan sebagai data untuk tujuan analisis dan penghasilan artikel-artikel berkenaan. Nama mereka dinukilkan bersama-sama hasil kutipan data di dalam buku ini. Kerjasama yang diberikan dapat membantu usaha ke arah membukukan hasil tulisan ilmiah ini untuk bacaan khusus mahupun umum serta akan dapat dijadikan rujukan pada bila-bila masa diperlukan.

Akhir sekali, penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada orang perseorangan yang turut menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam proses penulisan dan penerbitan buku ini.

Terima Kasih.



# PENGUASAAN FONOLOGI KANAK-KANAK DALAM DIALEK MELAYU SARAWAK

*Mary Fatimah Subet  
Salbia Haji Hassan*

## Pengenalan

Dalam penelitian sains, apabila lahirnya seseorang bayi, bayi berkenaan telah ada beberapa alat fizikal yang sesuai untuk memperoleh bahasa. Kajian tentang proses pemerolehan bahasa ibunda mengatakan bahawa proses ini berlaku berperingkat-peringkat mengikut perkembangan otak dan perkembangan fizikal bayi atau kanak-kanak itu sendiri. Pada mulanya, bayi memulakan hidup tanpa bahasa.

Menurut hipotesis nurani (1957) tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak, semua kanak-kanak normal yang didedahkan kepada bahasa ibundanya, akan memperoleh bahasa tersebut. Dalam hipotesis ini juga menunjukkan pemerolehan bahasa tidak mempunyai kaitan dengan tahap kecerdasan kanak-kanak yang kurang cerdas. Selain itu, ayat-ayat yang didengar oleh kanak-kanak sering tidak gramatis, tidak lengkap dan sedikit jumlahnya. Namun demikian, bahasa tidak dapat diajarkan kepada makhluk lain. Proses pemerolehan bahasa oleh kanak-kanak di dunia ini mengikut jadual semula jadi yang sama erat hubungannya dengan proses pematangan kanak-kanak. Walaupun struktur bahasa sangat rumit atau kompleks dan bersifat sejagat, semua kanak-kanak dapat memperoleh bahasa dalam masa yang relatif dan sangat singkat, iaitu lebih kurang dalam masa tiga atau empat tahun sahaja.

Mengikut teori biologi, sejak anak itu lahir, memang sudah ada satu kebolehan menggunakan bahasa. Hipotesis nurani memperuntukkan kebolehan khusus mengenai kebolehan bahasa yang dicadangkan oleh Chomsky dan Miller (1957) dalam (Mangantar Simanjuntak, 1987) pada mulanya yang sekarang dikenali



ini berlaku pada peringkat agahan. Mula-mula seseorang kanak-kanak memperoleh bunyi fonem yang kasar dan ketara perbezaan fiturnya, tetapi kemudian ia maju kepada fonem yang halus dan seni perbezaan fiturnya.

Dalam perkembangan semantik pula, kanak-kanak mulai berupaya menguasai beberapa patah perkataan dan kemudian memperluas perbendaharaan katanya dengan agak cepat. Mula-mula sepatah perkataan mungkin merujuk kepada beberapa benda atau makna. Ketika inilah, kanak-kanak sering membuat kesalahan, terutama semasa memberikan makna perkataan itu. Sebagai hasil interaksi dengan persekitarannya dalam pelbagai konteks komunikasi, kanak-kanak akan mempelajari konsep daripada yang konkrit kepada yang lebih abstrak dan mula dapat menyusun perkataan mengikut kelas-kelas tatabahasa.

Berdasarkan Steinberg (1995), pemerolehan bahasa peringkat vokalisasi bermula apabila kanak-kanak berusia antara 6 bulan hingga 11 bulan. Penggunaan bunyi bahasa terutamanya suku kata vokal dan konsonan-vokal seperti /a/, /u/, /ma/, /gi/, /pa/. Peringkat holofrasa akan dikuasai oleh kanak-kanak apabila usia mereka mencapai 10 hingga 18 bulan. Pada peringkat ini, kanak-kanak mula menggabungkan dua ujaran bunyi yang membentuk perkataan seperti /mama/, /papa/, /inum/ 'minum' dan /ola/ 'bola'.

Apabila usia meningkat ke 18 bulan ke atas, peringkat ini dinamakan peringkat telegrafik. Pertuturan kanak-kanak mengandungi idea-idea rumit dengan tujuan yang berlainan. Misalnya, meminta, memberi amaran, menolak dan memberitahu. Peringkat perkembangan ayat kompleks akan menyusul apabila kanak-kanak mencapai usia empat atau lima tahun. Kanak-kanak mula menggunakan ayat negatif, soalan, dan struktur kompleks yang lain.

Dalam perkembangan sintaksis, kanak-kanak menguasai ujaran yang terdiri daripada satu perkataan ketika berumur satu tahun dan maju kepada ujaran dua perkataan ketika menjangkau dua tahun. Setiap ujaran dapat merujuk beberapa makna mengikut susunan kata atau konteks untuk menggambarkan penafian, pertanyaan dan sebagainya. Ayat-ayatnya padat dan ringkas, banyak menggunakan kata inti dan kurang atau tiada langsung menggunakan kata tugas.

Setelah meningkat kepada umur empat atau lima tahun, barulah bahasa kanak-kanak itu hampir menyamai bahasa orang dewasa. Setelah umur lima tahun, kanak-kanak akan berupaya pula menghasilkan ayat-ayat pasif atau ayat-ayat yang lebih kompleks dan dapat mengenal struktur dalaman dan hubungannya dengan struktur luar. Kanak-kanak juga mula menggunakan ayat negatif atau nafian, soalan, klausa relatif dan struktur ayat yang kompleks. Oleh hal yang demikian, Steinberg (1995), mengkategorikan tahap ini sebagai tahap perkembangan ayat kompleks.

Untuk membolehkan kanak-kanak menguasai bahasa dengan berkesan, mereka hendaklah seboleh-bolehnya didedahkan kepada pengalaman yang banyak

produksi satu kata sahaja. AN tidak banyak bercakap, dan kadang-kadang usaha untuk berinteraksi dengannya juga tidak mendatangkan hasil yang menggalakkan. Berikut ialah hasil pemerhatian sama ada berlakunya proses fonologi ketika AN menghasilkan sesuatu perkataan atau sebaliknya.

### **Pengguguran**

Kebanyakan kata atau ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak itu dapat difahami ertinya berdasarkan pelbagai konteks. Dari sudut proses fonologik yang telah dikenal pasti, iaitu dalam kajian pemerolehan atau penguasaan bahasa kanak-kanak dari segi fonologi ini, didapati bahawa AN berupaya menghasilkan perkataan-perkataan yang disingkatkan dengan cara menyebut suku kata yang terakhir dalam patah-patah perkataan berkenaan. Proses ini dikategorikan sebagai pengguguran, iaitu kanak-kanak menyahkan atau menggugurkan suku kata pertama atau kedua atau terakhir dalam sebutan mereka. Antara proses pengguguran yang dilakukan adalah seperti berikut:

#### **a. Suku kata**

AN dalam kajian ini banyak menghasilkan perkataan berdasarkan proses penyukuan ke ekasuku kata melalui proses 'ommissions'. Jadual 1.1 menunjukkan contoh-contoh produksi AN dalam proses penyingkatan suku kata ke ekasuku.

**Jadual 1.1: Proses Penyingkatan Perkataan ke Ekasuku**

<b>Bil</b>	<b>Data Utama</b>	<b>DMS</b>	<b>BM</b>
1	[ta?] - penyingkatan	mintak	minta
2	[go?] - penyingkatan	gugok	gugur/ jatuh
3	[ka?] - penyingkatan	bukak	buka
4	[to?] - penyingkatan	sitok	sini
5	[pi] - penyingkatan	tepi	jangan ganggu
6	[lon] - penyingkatan	belon	kapal terbang
7	[je?] - penyingkatan	ayek	air
8	[ni] - penyingkatan	bunyi	bunyi
9	[dʒoh] - penyingkatan	tujoh	tujuh
10	[lan] - penyingkatan	semilan	sembilan
11	[loh] - penyingkatan	sepuloh	sepuluh
12	[ga] - penyingkatan	tiga	tiga
13	[yu] - penyingkatan	laju	laju

c. Suku Kata Kanonik

Berdasarkan kajian penulis juga didapati bahawa AN banyak menghasilkan ujaran yang berkonsepkan suku kata kanonik. Konsep ini mengambil kira unsur-unsur seperti nukleus dan pinggir yang boleh ditentukan secara fonetik dan akustik. Dalam ujaran AN, kanak-kanak ini banyak menyelitkan bunyi vokal dalam produksinya. Berikut merupakan contoh-contoh suku kata kanonik yang terdapat pada ujaran AN.

Jadual 1.3: Suku Kata Kanonik

Bil.	Data Utama	bunyi pinggir	nukleus	bunyi pinggir
1	/taʔ/	(t)	(a)	(k)
2	/tuʔ/	(t)	(u)	(k)
3	/jah/	(j)	(a)	(h)
4	/lon/	(l)	(o)	(n)
5	/joh/	(j)	(o)	(h)
6	/lan/	(l)	(a)	(n)
7	/loh/	(l)	(o)	(h)
8	/lat/	(l)	(a)	(t)
9	/tam/	(t)	(a)	(m)

d. Gantian-gantian

Proses fonologik yang merupakan proses gantian juga turut dikesan dalam keupayaan AN menghasilkan ujarannya. Subjek telah menggantikan fonem tertentu dalam sesuatu ujarannya. Subjek telah menggantikan fonem tertentu dalam sesuatu ujaran untuk disesuaikan dengan bunyi sebutannya tersendiri. Walau bagaimanapun, ujaran yang telah diubah fonem tertentu masih dapat difahami oleh orang yang berinteraksi dengan subjek. Antara gantian yang dapat dikesan dalam ujaran AN terdiri daripada proses geluncuran daripada jenis likuida sahaja. Jadual 1.4 berikut menunjukkan tiga contoh likuida dalam ujaran AN:-

Jadual 1.4: Geluncuran Likuida

Bil	Data Utama	Likuida	DMS	BM
1	/buʔoŋ/	/woŋ/	buʔong	burung
2	/pələmen/	/apən/	pelamen	pelamin
3	/abis/	/abən/	abis	habis

16	nyen nyen	/jɛn jɛn/	kereta	kereta
17	nyi	/ɲi/	buøi	bunyi
18	joh	/dʒoh/	tujoh	tujuh
19	jan	/lan/	semilan	sembilan
20	loh	/loh/	sepuloh	sepuluh
21	ga	/ga/	tiga	tiga
22	ten	/tɛn/	sepuloh	sepuluh
23	ju	/yu/	laju	laju
24	ukak	/ukaʔ/	bukak	buka
25	ik	/iʔ/	jijiʔ	geli
26	lat	/lat/	ulat	ulat
27	lat	/lat/	semut	semut
28	wong	/woŋ/	buyoŋ	burung
29	gak	/gaʔ/	agak	pergi dekat
30	tam	/tam/	kotoy	kotor
31	nyanun	/ɲanun/	ɲa nun	itu dia
32	tok	/toʔ/	sitok	sini
33	nya ya	/ɲa ja/	ɲa ya	ini dia
34	apin	/apin/	lampin	lampin
35	udah	/udah/	sudah	sudah
36	enum	/ɛnum/	minum	minum
37	<i>baby</i>	/bebi/	<i>baby</i>	<i>baby</i>
38	<i>lo</i>	/lo/	<i>hello</i>	<i>hello</i>
39	kan a	/kan a/	bukan	bukan
40	ninninnin	/ninninnin/	motosikal	motosikal
41	ijo	/ijo/	ijo	hijau
42	wi	/wi/	loyi	lori
43	ito	/ito/	moto	motor
44	epa	/epa/	selepay	selipar
45	wek	/weʔ/	aiy	air
46	ayek	/ajeʔ/	aiy	air
47	lat	/lat/	lalat	lalat
48	ta nyi	/ta ɲi/	apa bunyi	apa bunyi
49	uwi	/uwi/	loyi	lori
50	lam	/lam/	waalaikumussalam	waalaikumussalam

Lampiran 1

Lambang-Lambang Asas *International Phonetic Association (IPA)*

Lambang IPA	Lambang kajian ini	Lambang IPA	Lambang Kajian ini	Lambang IPA	Lambang Kajian ini
a	a	g	g	ŋ	ng
i	i	tʃ	tʃ	ɲ	ny
u	u	j	dʒ	w	w
ə	ə	l	l	j	y
e	e	r	r	ʔ	ʔ
o	o	f	f	R	R
p	p	v	v	č	c
b	b	s	s	ɣ	ɣ
t	t	z	z	˘	˘
d	d	m	m	[ ]	[ ]
k	k	n	n	//	//